

# INTEGRITI

## Menjana Pembangunan Modal Insan

### PENGENALAN

"Integriti Menjana Pembangunan Modal Insan" merupakan tema yang telah dipilih untuk program 'Retreat Integriti 2009' ini. Optimis dengan sebarang perubahan dalam pelbagai bentuk cabaran ataupun halangan yang tidak dijangka di masa hadapan, Institut Integriti Negeri Pulau Pinang (IINPPi) bertanggungjawab dan bersedia menggerakkan usaha memantau dan memperkembangkan lagi pembudayaan integriti kepada seluruh komponen masyarakat Pulau Pinang terutamanya kakitangan sektor awam mahupun swasta.

### OBJEKTIF

Memperluaskan rangkaian yang strategik dan kerjasama dalam perkembangan pembangunan integriti.

Mempertingkatkan integriti dalam pentadbiran dan pengurusan perkhidmatan awam.

Berusaha menangani permasalahan dalam pelaksanaan gerakan pemantapan keutuhan integriti di dalam sistem pengurusan.

Berkongsi praktik terbaik dalam pembangunan modal insan.

Sebarang bentuk perubahan yang sedang atau bakal berlaku adalah kesan daripada pengaruh keadaan sekeliling terutamanya kesan globalisasi dan perkembangan kemajuan ICT yang sedikit sebanyak mencorak pembangunan modal insan setiap individu. Untuk itu, IINPPi telah mengambil inisiatif merancang dan merealisasikan program 'Retreat Integriti 2009' dengan harapan dapat menjana perkembangan seluruh integrasi masyarakat menjadi individu yang lebih berintegriti. Melalui program yang dirancang, ia bakal mewujudkan satu jaringan perhubungan di antara peserta yang hadir sekaligus dapat meneroka pengukuhan integriti dalam setiap diri individu itu sendiri.

Akhir sekali, IINPPi berharap para peserta yang hadir dapat bersama-sama menggembeng tenaga dan bekerjasama bagi menayakan program 'Retreat Integriti 2009' hingga ke penghujungnya.

### FORMAT RETREAT INTEGRITI 2009

'Retreat Integriti 2009' akan dilaksanakan dalam tiga sesi. Sesi pertama akan tertumpu kepada seminar integriti yang merangkumi tiga bahagian modul iaitu modul "Kepimpinan Melalui Teladan", modul kedua "Dari Sudut Perspektif BPR" dan yang ketiga "Etika Kerja Sebagai Seorang Pemimpin". Modul-modul ini akan dibentangkan oleh penceramah-penceramah jemputan yang berkaliber dan berpengalaman luas dari pelbagai sektor dan juga dari pihak IINPPi sendiri.

Sesi Kedua pula merupakan program 'teambuilding' yang menuntut para peserta memberikan kerjasama berpasukan sepenuhnya manakala sesi ketiga adalah sesi bengkel untuk para peserta mengutarakan idea dan juga pandangan bagi mendapatkan resolusi memperkukuhkan integriti dalam masyarakat di Pulau Pinang.

## PENERAJU MASYARAKAT BERINTEGRITI